

# MANUAL PENGGUNA

## TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN NEGERI SEMBILAN (TUNS)

SYARAT KELAYAKAN SOALAN LAZIM HUSUNDI KAH!

Mohon Selarang

Pembiayaan RM3,000 Untuk Usahawan Mikro

Kerajaan Negeri Sembilan telah mengamalkan tiga strategik untuk menyediakan perkhidmatan khas kepada usahawan yang berjaya di RM1.5 bilion sehingga tahun 2020. Objektif utama perkhidmatan TUNS ialah supaya tidak ratai dengan usahawan mikro yang berjaya di seluruh negara dan dunia. Di samping itu, juga diharap agar usahawan ini dapat meningkatkan pencapaian mereka dan para usahawan mikro iaitu mewujudkan satu arah yang lebih baik serta bersama-sama. TUNS juga wajib dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk membantu usahawan mikro dalam mendapatkan pembiayaan diperlukan mereka untuk berjaya.

Mohon Selarang

<https://tuns.my>

### Pusat Runding Cara Usahawan Negeri Sembilan (PRUNS)

PKNNS, 23-H, Jalan Zaaba, 70100 Seremban, Negeri Sembilan

Telefon : 06-761 6871 | Faks : 06-762 6291

Hotline : 019-752 3251

E-mel : usahawanpknns@gmail.com

Facebook : Pusat Runding Cara Usahawan Negeri Sembilan – PRUNS

# ISI KANDUNGAN

Pengenalan .....	3
Makluman Penting .....	4
Tatacara Memohon .....	5
Bahagian 1A (Butiran Pemohon) .....	6
Hubungkan Akaun Anda Dengan Facebook atau Google! .....	7
Log Masuk Selepas Mendaftar .....	7
Bahagian 1B (Taraf Pendidikan dan Akaun Bank) .....	8
Bahagian 1C (Muat Naik Dokumen) .....	9
Bahagian 2A (Maklumat Perniagaan) .....	10
Bahagian 2B (Maklumat Lesen Perniagaan) .....	11
Bahagian 2C (Maklumat Pendapatan Perniagaan) .....	12
Bahagian 2D (Maklumat Premis) .....	13
Bahagian 2E (Rekod Pembiayaan) .....	14
Bahagian 2F (Muat Naik Dokumen) .....	15
Bahagian 3 (Butiran Pembiayaan) .....	16
Butiran Barang/Peralatan .....	17
Bahagian 4 (Maklumat Waris) .....	18
Bahagian Semakan Status Permohonan .....	19
Bagaimana Untuk Mengemaskini Maklumat? .....	20
Log Masuk .....	20
Lupa Katalaluan? .....	20

# Pengenalan

Kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil langkah strategik melalui penyediaan peruntukan khas keusahawanan yang berjumlah RM6 juta bagi tahun 2020. Objektif utama penubuhan TUNS ini adalah supaya lebih ramai golongan usahawan berskala Mikro berjaya diwujudkan melalui bantuan pembiayaan ini. Disamping itu juga diharapkan agar bantuan ini dapat meningkatkan perniagaan sedia ada para usahawan Mikro ini melonjak ke satu aras yang lebih baik dari sebelumnya. TUNS juga secara tidak langsung dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan disamping membantu merangsang pertumbuhan ekonomi.

Untuk memohon peruntukan khas ini, sila layari


<https://tuns.my/>

## Makluman Penting

Apabila anda melayari laman web ini, pastikan anda membaca Makluman Penting yang dipaparkan. Selain daripada iatu, anda juga wajib merujuk syarat-syarat kelayakan, soalan lazim serta pastikan dokumen yang diperlukan disediakan serta disahkan sebelum di muat naik ke sistem.

Permohonan anda akan dianggap tidak lengkap sekiranya mana-mana bahagian tidak diisi dengan maklumat yang diperlukan.

Sistem memerlukan semua bahagian diisi sebelum permohonan boleh dihantar.



Setelah anda membaca Makluman Penting ini, sila tutup notifikasi dengan menekan butang “Tutup”

## Tatacara Memohon

Sebelum anda boleh memohon, pastikan anda klik bahagian-bahagian dibawah ini dahulu dan fahamkan syarat-syarat yang dikenakan.



1. Klik **Syarat Kelayakan** untuk membaca mengenai :
  - i. Maklumat Pembiayaan Asas
  - ii. Syarat-syarat Kelayakan Pemohon
  - iii. Jenis Kelayakan Perniagaan
  - iv. Syarat-syarat Dokumen Sokongan

Pastikan anda telah menyediakan semua dokumen yang diperlukan dalam bentuk **soft copy** sebelum anda klik **Mohon Sekarang**.

2. Klik **Soalan Lazim** untuk mengetahui soalan-soalan yang sering di tanya.
3. Klik **Mohon Sekarang** untuk memohon. Anda akan dapat melihat halaman Bahagian 1A: Butiran Permohonan

## Bahagian 1A (Butiran Pemohon)

Bahagian ini membolehkan anda mengisi maklumat peribadi anda.

**Permohonan Baharu**

Bahagian 1A: Butiran Pemohon

Untuk memudahkan anda menyemak status permohonan, sila hubungkan profili anda dengan [Facebook](#) atau [Google](#) sekarang. Dengan hubungan ini, anda tidak perlu mendaftarkan katalaluan untuk log masuk.

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)*	Alamat Emel*
Nama *	Emel
Nombor Kad Pengenalan * (Tanpa dash (-))	Tarikh Lahir *
Nombor Kad Pengenalan *	dd/mm/yyyy
Umur * [Umur akan diira daripada nombor kad pengenalan]	Jantina *
Umur *	<input type="radio"/> Lelaki <input type="radio"/> Perempuan
Bangsa *	Status Perkahwinan *
<input checked="" type="radio"/> Melayu <input type="radio"/> Cina <input type="radio"/> India <input type="radio"/> Lain-lain	<input type="radio"/> Bujang <input checked="" type="radio"/> Berkahwin <input type="radio"/> Ibu atau Bapa Tunggal
Alamat Rumah *	No Telefon *
690322051234	No Tel Rumah/Pejabat
	No Tel Bimbit *
Poskod *	Kata Laluan *
	*****
Bandar *	Ulang Kata Laluan * [Masukkan kata laluan lagi sekali untuk semakan]
Negeri *	Negeri Sembilan
<b>Semak Permohonan</b>	

1. Sila masukkan **Nama, Nombor Kad Pengenalan, Bangsa, Alamat Rumah, Poskod, Bandar, Negeri, Alamat E-Mel, Jantina, Status Perkahwinan, Nombor Telefon Rumah, Nombor Telefon Bimbit, Kata Laluan dan Ulang Kata Laluan**.
2. Klik **Semak Permohonan** untuk semak kelayakan anda.

### Kini anda boleh log masuk melalui Facebook atau Google!

Untuk memudahkan anda menyemak permohonan anda dari semasa ke semasa, anda boleh hubungkan akaun Facebook atau Google dengan permohonan anda.

Dengan hubungan ini, apabila anda ingin log masuk, anda tidak perlu memasukkan sebarang katalaluan. Sistem akan berhubung dengan Facebook atau Google untuk mendapatkan kebenaran dan seterusnya masuk ke permohonan anda dengan mudah.

Untuk menghubungkan permohonan anda, sila tekan butang Facebook atau Google di bahagian atas borang permohonan anda sebelum anda menekan butang Semak Permohonan.

## Hubungkan Akaun Anda Dengan Facebook atau Google!

Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan anda menggunakananya. Kami tahu adalah sukar untuk mengingati kata laluan untuk setiap sistem yang anda gunakan. Oleh itu, kami menyediakan alternatif supaya anda boleh mendaftar dan menghubungkan akaun sosial media dengan permohonan anda.

Untuk menghubungkan permohonan anda dengan akaun media sosial, sila ikuti Langkah berikut:

### Permohonan Baharu

#### Bahagian 1A: Butiran Pemohon

Untuk memudahkan anda menyemak status permohonan, sila hubungkan profil anda dengan [Facebook](#) atau [Google](#) sekarang. Dengan hubungan ini, anda tidak perlu mendaftarkan katalaluan untuk log masuk.

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.

1. Sila tekan sama ada butang **Facebook** (berwarna biru) atau **Google** (berwarna merah) untuk meneruskan dengan pendaftaran menggunakan pautan yang disediakan.
2. Akan keluar pop timbul dan tekan pada mana-mana akaun yang terpapar untuk diteruskan dan tekan pada butang teruskan.
3. Secara automatik, terdapat beberapa informasi yang tidak perlu diisi lagi seperti nama, emel dan kata laluan. Ia menggunakan informasi daripada akaun media sosial yang ditekan.
4. Sila isi pada ruangan kosong yang lain dengan lengkap dan kemudian tekan **Semak Permohonan**.

## Log Masuk Selepas Mendaftar

### Log Masuk

Nombor Kad Pengenalan

Sekiranya anda ada menghubungkan Facebook atau Google dengan profil anda, anda boleh log masuk melalui cara berikut tanpa menggunakan sebarang kata laluan

[Facebook](#) atau [Google](#)

Katalaluan

[Log Masuk](#)

[Lupa Katalaluan?](#)

1. Pada pautan log masuk, sila tekan sama ada butang **Facebook** (berwarna biru) atau **Google** (berwarna merah).
2. Pop timbul akan keluar dan pilih akaun yang telah berdaftar sebelum ini untuk log masuk sebagai pemohon.

## Bahagian 1B (Taraf Pendidikan dan Akaun Bank)

Bahagian ini membolehkan anda mendaftarkan Taraf Pendidikan dan Akaun Bank.

**Permohonan Baharu**

**Bahagian 1B: Taraf Pendidikan dan Akaun Bank**

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
BPU 1	690322051111
Taraf Pendidikan	Nama Pemegang Akaun Bank *
<input type="checkbox"/> UPSR	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> LCE/SRP/PMR/PT3	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> MCE/SPM	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Sijil Kemahiran	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> HSC/STPM	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Diploma	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Ijazah	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Sarjana	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> PhD	<input type="text"/>
<input type="checkbox"/> Tiada	<input type="text"/>
Nama Bank *	
<input type="text"/>	

**« Sebelumnya** **Kemaskini** **Seterusnya »**

1. Pilih **Taraf Pendidikan** anda. Anda boleh pilih lebih dari satu pilihan. Pilih **Tiada** jika tiada dalam pilihan jawapan.
2. Sila masukkan **Nama Pemegang Akaun Bank, Nombor Akaun Bank dan Nama Bank**. Akaun hendaklah milik pemohon.
3. Pastikan semua maklumat telah diisi. Klik Kemaskini. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya.

## Bahagian 1C (Muat Naik Dokumen)

Bahagian ini membolehkan anda memuat naik dokumen-dokumen penting iaitu gambar pasport, salinan kad pengenalan dan penyata kewangan

### Permohonan Baharu

#### Bahagian 1C: Muat-naik Dokumen

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.

<p>Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px;" type="text" value="BPU 1"/> <span style="font-size: small; color: #ccc; margin-left: 10px;">[Lock]</span>	<p>No Kad Pengenalan</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px;" type="text" value="690322051111"/> <span style="font-size: small; color: #ccc; margin-left: 10px;">[Lock]</span>
<div style="display: flex; justify-content: space-between;"> <div style="width: 45%;"> <p>Gambar Berukuran Pasport *</p>   <input style="width: 100%; background-color: #0070C0; color: white; border: none; padding: 2px;" type="button" value="Pilih Gambar"/> </div> <div style="width: 45%;"> <p>Kad Pengenalan Baharu *</p> <input style="width: 100%; background-color: #0070C0; color: white; border: none; padding: 2px;" type="button" value="Pilih MyKad"/> <p><small>(<input type="checkbox"/> Anda perlu memuat-naik kad pengenalan muka hadapan dan belakang. Anda boleh memuat-naik kedua-duanya dalam satu fail atau secara berasingan. Hanya fail PDF dibenarkan.)</small></p>   <p>Penyata Kewangan Bank (6 Bulan) *</p> <input style="width: 100%; background-color: #0070C0; color: white; border: none; padding: 2px;" type="button" value="Pilih Penyata"/> <p><small>(<input type="checkbox"/> Anda boleh memuat-naik penyata kewangan bank untuk enam (6) bulan dalam satu fail atau dua fail untuk setiap bulan. Anda boleh memilih beberapa fail sekaligus. Hanya fail PDF dibenarkan.)</small></p> </div> </div>	
<p><small>(<input type="checkbox"/> Sila masukkan gambar berformat JPG atau PNG sahaja)</small></p>	

1. Muat naik **Gambar Berukuran Pasport**. Hanya fail dengan format **PNG** atau **JPG** sahaja dibenarkan.
2. Muat naik **Salinan Kad Pengenalan** yang telah disahkan. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
3. Muat naik **Penyata Kewangan Bank** untuk enam (6) bulan. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya.

## Bahagian 2A (Maklumat Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat perniagaan.

**Permohonan Baharu**

**Bahagian 2A: Maklumat Perniagaan**

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
BUU 1	690322051111
Nama Perniagaan * [seperti dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM]	
Nama Perniagaan *	
No. Pendaftaran Perniagaan * [seperti dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM]	Tarikh Luput SSM * (Mesti masih sah tempoh)
Lama	dd/mm/yyyy
Baharu	Seperti dalam Sijil SSM
Alamat Perniagaan * [seperti dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM]	Tarikh Didaftarkan *
Poskod *	No Telefon Pejabat *
Bandar *	No Telefon Bimbit *
Negeri *	Jenis Perniagaan *
Negeri Sembilan	Syarikat Sendirian Berhad
Nyatakan perniagaan yang dijalankan	
<b>Tambah Maklumat Perniagaan</b>	

Anda boleh masukkan maklumat rakan kongsi setelah anda mengemaskini maklumat perniagaan

**Sebelumnya** **Seterusnya**

1. Sila masukkan **Nama Perniagaan** dan **Nombor Pendaftaran Perniagaan** anda seperti yang didaftarkan pada Sijil Perakuan Pendaftaran SSM. Terdapat dua (2) ruangan yang perlu diisi iaitu nombor pendaftaran **Lama** dan **Baharu**.
2. Sila masukkan **Alamat Perniagaan**, **Poskod**, **Bandar**, **Negeri**, **Sektor Perniagaan**, **Tarikh Luput SSM** dan **Tarikh Didaftarkan** seperti yang didaftarkan pada Sijil Perakuan Pendaftaran SSM.
3. Sila masukkan **Nombor Telefon Pejabat**, **Nombor Telefon Bimbit**, **Jenis Perniagaan** dan **Nyatakan Perniagaan Yang Dijalankan**. Anda juga boleh memasukkan maklumat media sosial seperti Facebook, Instagram dan Laman Web (jika ada).
4. Setelah maklumat diatas dimasukkan, sila tekan butang **Tambah Maklumat Perniagaan**
5. Jika **Jenis Perniagaan** yang dipilih adalah **bukan** jenis **Pemilikan Tunggal**, anda perlu mengisi **Maklumat Rakan Kongsi**. Anda boleh klik **Tambah Rakan Kongsi** jika rakan kongsi adalah lebih dari seorang.
6. Klik **Seterusnya**.

## Bahagian 2B (Maklumat Lesen Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat lesen perniagaan.

**Permohonan Baharu**

**Bahagian 2B: Maklumat Lesen Perniagaan**

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
BU 1	690322051111

Adakah perniagaan mempunyai lesen/ permit PBT? \*

Ya  Tidak

Jika YA, masukkan maklumat berikut:

Nama Pemegang Lesen *	No Lesen *
Nama Pemegang Lesen *	No Lesen *

Jenis Lesen \*

Lesen Premis Perniagaan

Alamat Perniagaan Didaftarkan \*

Alamat Perniagaan Didaftarkan \*

1. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan '**Adakah perniagaan mempunyai lesen / permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?**' Sila pilih **Ya** jika anda mempunyai lesen perniagaan daripada Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau lain-lain Jabatan /Agenzi yang berkaitan.
2. Jika **Ya**, sila masukkan **Nama Pemegang Lesen, Nombor Lesen, Jenis Lesen dan Alamat Perniagaan Didaftarkan**.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian 2C (Maklumat Pendapatan Perniagaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat pendapatan perniagaan.

### Permohonan Baharu

#### Bahagian 2 (C): Maklumat Pendapatan Perniagaan

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

<p>Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text" value="BPU 1"/> <span style="color: gray;">[Lock]</span>	<p>No Kad Pengenalan</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text" value="690322051111"/> <span style="color: gray;">[Lock]</span>	
<p>Modal Perniagaan (RM) *</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text"/> <span style="color: gray;">Modal Perniagaan (RM) *</span>	<p>Bilangan Pekerja *</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text"/> <span style="color: gray;">Bilangan Pekerja *</span>	
<p>Jumlah Gaji Pekerja (RM) *</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text"/> <span style="color: gray;">Jumlah Gaji Pekerja (RM) *</span>	<p>Belanja Utiliti (RM) *</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text"/> <span style="color: gray;">Belanja Utiliti (RM) *</span>	
<p>Lain-lain Perbelanjaan (RM) (nyatakan) *</p> <input style="width: 100%; border: 1px solid #ccc; padding: 2px; margin-bottom: 2px;" type="text"/> <span style="color: gray;">Lain-lain Perbelanjaan *</span>		
<p>Penilaian *</p> <p style="margin-left: 20px;"> <input type="radio"/> SCORE (1 Bintang)  <input type="radio"/> SCORE (2 Bintang)  <input type="radio"/> SCORE (3 Bintang)  <input type="radio"/> SCORE (4 Bintang)  <input type="radio"/> SCORE (5 Bintang)  <input type="radio"/> M Core (Tahap 1)  <input type="radio"/> M Core (Tahap 2)  <input type="radio"/> M Core (Tahap 3)  <input type="radio"/> Tiada         </p>		
<input style="width: 100%; background-color: red; color: white; border: none; padding: 2px; margin-bottom: 5px;" type="button" value="« Sebelumnya"/>	<input style="width: 100%; background-color: #0070C0; color: white; border: none; padding: 2px; margin-bottom: 5px;" type="button" value="Kemaskini"/>	<input style="width: 100%; background-color: #0070C0; color: white; border: none; padding: 2px;" type="button" value="Seterusnya »"/>

1. Sila masukkan **Modal Perniagaan, Bilangan Pekerja, Jumlah Gaji Pekerja, Belanja Utiliti dan Lain-lain Perbelanjaan**. Masukkan angka kosong (0) jika tiada.
2. Sila masukkan penilaian SCORE / M-Core jika ada. Pilih **Tiada** jika tidak berkaitan.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian 2D (Maklumat Premis)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat premis perniagaan anda.

### Permohonan Baharu

#### Bahagian 2 (D): Maklumat Premis

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan	
<input type="text" value="BPU 1"/> <span style="font-size: 2em;">🔒</span>	<input type="text" value="690322051111"/> <span style="font-size: 2em;">🔒</span>	
Dimanakan perniagaan dijalankan?	Hak Milik	
<span style="border: 1px solid #ccc; padding: 2px;">Sila Pilih</span>	<span style="border: 1px solid #ccc; padding: 2px;">Sila Pilih</span>	
Nyatakan Pemilik (sekiranya menyewa)		
<input type="text" value="Nyatakan Pemilik (sekiranya menyewa)"/>		
Luas Premis (meter):	Kadar Sewa Bulanan (RM):	
<input type="text" value="meter"/>	<input type="text" value="RM"/>	
<span style="background-color: red; color: white; padding: 2px 10px; border-radius: 5px;">« Sebelumnya</span>	<span style="background-color: #0070C0; color: white; padding: 2px 10px; border-radius: 5px;">Kemaskini</span>	<span style="background-color: #0070C0; color: white; padding: 2px 10px; border-radius: 5px;">Seterusnya »</span>

1. Sila pilih '**Dimanakah Perniagaan Dijalankan**' dan '**Hak Milik**' dari pilihan yang diberi.
2. Sila masukkan nama pemilik di ruangan **Nyatakan Pemilik** jika **Hak Milik** yang dipilih adalah '**Sewa**'.
3. Sila masukkan **Luas Premis** dan **Kadar Sewa Bulanan** jika berkaitan. Masukkan **angka kosong (0)** jika tidak berkaitan.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian 2E (Rekod Pembiayaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat rekod pembiayaan (jika ada)

### Permohonan Baharu

#### Bahagian 2 (E): Rekod Pembiayaan

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain. Pastikan setiap maklumat adalah tepat. Anda wajib memuat-naik dokumen sokongan di Bahagian 2F untuk mengesahkan maklumat yang dimasukkan.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan	
<input type="text" value="BPU 1"/>	<input type="text" value="690322051111"/>	
Adakah pemohon pernah mendapat sebarang pembiayaan dari mana mana Jabatan/ Agensi? * <input type="radio"/> Ya <input type="radio"/> Tidak		
Jika YA, sila nyatakan*		
Nama Jabatan/Agensi		
Nama Jabatan/Agensi		
Skim Pembiayaan		
Skim Pembiayaan		
Jumlah Pembiayaan (RM)		
Jumlah Pembiayaan (RM)		
<a href="#" style="color: red; text-decoration: none;">« Sebelumnya</a>	<a href="#" style="color: blue; text-decoration: none;">Kemaskini</a>	<a href="#" style="color: blue; text-decoration: none;">Seterusnya »</a>

1. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan ‘**Adakah pemohon pernah mendapat sebarang pembiayaan dari mana-mana Jabatan / Agensi?**’
2. Jika **Ya**, sila masukkan **Nama Jabatan / Agensi, Skim Pembiayaan** dan **Jumlah Pembiayaan**.
3. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian 2F (Muat Naik Dokumen)

Bahagian ini membolehkan anda memuat naik dokumen penting perniagaan anda.

**Permohonan Baharu**

**Bahagian 2F: Muat-naik Dokumen**

Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan
BPU 1	690322051111

Salinan SSM \*

Surat Persetujuan Rakan Kongsi (jika berkenaan)

Salinan Lesen Perniagaan/Permit \*

Salinan Perjanjian Sewa Premis (jika berkaitan)

Gambar Perniagaan \*

1. Muat naik **Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran SSM** yang telah disahkan, **Surat Persetujuan Rakan Kongsi** (jika jenis perniagaan adalah bukan Pemilikan Tunggal), dan **Salinan Lesen Perniagaan / Permit**. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
2. Muat naik **Salinan Perjanjian Sewa Premis (jika berkaitan)**. Dokumen yang perlu dimuat naik adalah **muka hadapan perjanjian** dan **Jadual A** atau **yang berkaitan**. Hanya fail dengan format **PDF** sahaja dibenarkan.
3. Muat naik **Gambar Perniagaan** anda. Perniagaan yang beroperasi di premis perniagaan, hendaklah memuat naik gambar hadapan premis. Manakala, perniagaan yang beroperasi dari rumah atau secara online hendaklah memuat naik screenshot dari Laman Web, Facebook, Instagram & Whatsapp yang boleh membuktikan perniagaan yang dijalankan. Hanya fail dengan format **PNG** dan **JPG** sahaja dibenarkan.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian 3 (Butiran Pembiayaan)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat butiran pembiayaan.

**Bahagian 3: Butiran Pembiayaan**

Untuk ke bahagian seterusnya, sila pastikan bahagian ini dilengkapkan sepenuhnya.

Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)	No Kad Pengenalan															
BUPU 2	810227105281															
<b>Pilih Butir Pembiayaan *</b>																
Pembelian Mesin & Peralatan																
Bagi setiap butiran pembiayaan, pemohon perlu masukkan setiap barang yang dipohon seperti yang dinyatakan dalam sebutharga *																
Nama Pembekal *	No. Pendaftaran SSM Pembekal *															
CHAN FURNITURE	311214-D															
Alamat Pembekal *																
KL																
Adakah pembekal adalah dari luar Negeri Sembilan? *																
<input checked="" type="radio"/> Ya <input type="radio"/> Tidak																
Jika Ya, anda perlu memberi justifikasi mengenai pemilihan pembekal tersebut																
<small>Harga murah</small>																
<b>Tambah Pembekal</b>																
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nama Pembekal</th> <th>Kategori</th> <th>No. SSM</th> <th>Jumlah (RM)</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>CHAN FURNITURE</td> <td>Pembelian Mesin &amp; Peralatan</td> <td>311214-D</td> <td>799.00</td> <td><a href="#">Butiran   Padam</a></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td></td> <td>3599.00</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>		Nama Pembekal	Kategori	No. SSM	Jumlah (RM)	Tindakan	CHAN FURNITURE	Pembelian Mesin & Peralatan	311214-D	799.00	<a href="#">Butiran   Padam</a>				3599.00	
Nama Pembekal	Kategori	No. SSM	Jumlah (RM)	Tindakan												
CHAN FURNITURE	Pembelian Mesin & Peralatan	311214-D	799.00	<a href="#">Butiran   Padam</a>												
			3599.00													
Jumlah maksima yang layak dibayai ialah RM3,000.00																
<b>» Sebelumnya</b>	<b>Seterusnya »</b>															

1. Sila pilih Butir Pembiayaan anda.
2. Sila masukkan **Nama Pembekal, No. Pendaftaran SSM Pembekal dan Alamat Pembekal**.
3. Sila pilih **Ya** atau **Tidak** pada soalan ‘**Adakah pembekal adalah dari Luar Negeri Sembilan?**’
4. Jika **Ya**, sila berikan **justifikasi mengenai pemilihan pembekal tersebut**.
5. Klik **Tambah Pembekal**.
6. Klik **Butiran** untuk setiap pembekal.

## Butiran Barang/Peralatan

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat tentang barang atau peralatan yang dipohon.

### Butiran Barang/Peralatan

#### Butiran Barang/Peralatan bagi Pembekal yang dipilih

Nama Pembekal	No. Pendaftaran SSM Pembekal																				
CHAN FURNITURE	311214-D																				
Kategori Pembekalan																					
Promosi & Pemasaran																					
Nama Barang/Peralatan *																					
Nama Barang/Peralatan																					
Jenama *	Model/Spesifikasi *																				
Jenama	Model/Spesifikasi																				
Kuantiti *	Harga Seunit (RM) *																				
Kuantiti	Harga Seunit																				
<a href="#">Tambah Barang/Peralatan</a>																					
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nama Barang/Peralatan</th> <th>Kuantiti</th> <th>Harga Seunit (RM)</th> <th>Tindakan</th> <th>Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>HAIER CHEST FREEZER</td> <td>1</td> <td>799.00</td> <td><a href="#">Kemaskini</a>   <a href="#">Padam</a></td> <td>799.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>Jumlah Keseluruhan</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td>799.00</td> </tr> </tbody> </table>		Nama Barang/Peralatan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Tindakan	Jumlah (RM)	HAIER CHEST FREEZER	1	799.00	<a href="#">Kemaskini</a>   <a href="#">Padam</a>	799.00					Jumlah Keseluruhan					799.00
Nama Barang/Peralatan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Tindakan	Jumlah (RM)																	
HAIER CHEST FREEZER	1	799.00	<a href="#">Kemaskini</a>   <a href="#">Padam</a>	799.00																	
				Jumlah Keseluruhan																	
				799.00																	
Dokumen Sebutharga																					
<table border="1"> <thead> <tr> <th>Nama Fail</th> <th>Tindakan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>QUOTATION CHAN FURNITURE.pdf</td> <td><a href="#">Padam</a></td> </tr> </tbody> </table>		Nama Fail	Tindakan	QUOTATION CHAN FURNITURE.pdf	<a href="#">Padam</a>																
Nama Fail	Tindakan																				
QUOTATION CHAN FURNITURE.pdf	<a href="#">Padam</a>																				
Muat-naik Dokumen Sebutharga																					
<input type="button" value="Pilih Dokumen"/> <input type="button" value="Kembali"/>																					

7. Sila masukkan **Nama Barang/Peralatan, Jenama, Model/Spesifikasi, Kuantiti, dan Harga Seunit (RM)**.
8. Klik **Tambah Barang/Peralatan**.
9. Klik **Kemaskini** untuk mengemaskini **Nama Barang/Peralatan, Jenama, Model/Spesifikasi, Kuantiti, dan Harga Seunit (RM)**.
10. Klik **Padam** jika ingin memadamkan data Barang/Peralatan yang telah dimasukkan.
11. Klik **Pilih Dokumen** untuk memuat naik dokumen sebut harga yang telah dimasukkan.
12. Klik **Kembali atau Seterusnya**

## Bahagian 4 (Maklumat Waris)

Bahagian ini membolehkan anda memasukkan maklumat waris.

The screenshot shows a web-based application form. At the top, it says 'Permohonan Baharu' (New Application) and 'Bahagian 4: Maklumat Waris' (Section 4: Inheritance Information). A note below states: 'Sila lengkapkan bahagian ini. Sekiranya bahagian ini tidak lengkap, anda tidak boleh meneruskan dengan bahagian lain.' (Please complete this section. If this section is incomplete, you cannot proceed to the next section.)

The form fields include:

- Nama Penuh (Seperti Dalam Kad Pengenalan)**: bpu 2
- No Kad Pengenalan**: 690322052222
- Nama Penuh Waris (seperti dalam kad pengenalan) \***: Nama Penuh Waris
- No. Kad Pengenalan Waris (baru) \***: No. Kad Pengenalan
- No. Telefon Rumah & Bimbit Waris \***: No. Telefon Rumah Waris  
No. Telefon Bimbit Waris
- Alamat Rumah Waris \***: Alamat Rumah
- Hubungan dengan Waris \*** (checkboxes):
  - Suami
  - Isteri
  - Ayah
  - Ibu
  - Anak
  - Lain-lain

At the bottom are three buttons: a red button labeled '« Sebelumnya', a black button labeled 'Kemaskini', and a teal button labeled 'Seterusnya »'.

1. Sila masukkan **Nama Penuh Waris** dan **Nombor Kad Pengenalan Waris** seperti dalam kad pengenalan. Waris hendaklah ahli keluarga terdekat dan berumur **18 tahun** dan ke atas.
2. Sila masukkan **Nombor Telefon Rumah**, **Nombor Telefon Bimbit** dan **Alamat Rumah Waris**.
3. Sila pilih **Hubungan Dengan Waris** dari pilihan jawapan yang diberi.
4. Klik **Kemaskini**. Sekiranya semua maklumat dimasukkan dengan tepat, anda akan dibawa ke halaman seterusnya

## Bahagian Semakan Status Permohonan

Bahagian ini membolehkan anda melihat status untuk setiap bahagian dan seterusnya membuat permohonan sekiranya semua bahagian adalah lengkap.

Semakan Progres Permohonan			
No	Bahagian	Status	Tarikh Kemasuki
1	Bahagian 1A: Maklumat Peribadi	Lengkap	17-08-2020
2	Bahagian 1B: Taraf Pendidikan dan Akaun Bank	Lengkap	17-08-2020
3	Bahagian 1C: Muat-naik Dokumen Peribadi	Lengkap	17-08-2020
4	Bahagian 2A: Maklumat Pernisagaan	Lengkap	17-08-2020
5	Bahagian 2B: Maklumat Lesen Pernisagaan	Lengkap	17-08-2020
6	Bahagian 2C: Maklumat Pendapatan Pernisagaan	Lengkap	17-08-2020
7	Bahagian 2D: Maklumat Premis	Lengkap	17-08-2020
8	Bahagian 2E: Maklumat Rekod Pembayaran	Lengkap	17-08-2020
9	Bahagian 2F: Muat Naik Dokumen Pernisagaan	Lengkap	17-08-2020
10	Bahagian 3: Maklumat Pembayaran	Lengkap	17-08-2020
11	Bahagian 4: Maklumat Waris	Lengkap	17-08-2020
12	Bahagian 5: Pengskuan	Tidak Lengkap	

### Pengakuan

Sila baca terma dan syarat berikut dan buat pilihan seperti di bawah:

1. Saya bersetuju bahwa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan bersedia bertanggungjawab dan dikenakan tindakan jika terdapat sebarang unsur penipuan atau pemalsuan dokumen.
2. Saya bersetuju bahwa pihak Kerajaan Negeri serta Jabatan / Agensi berkaitan Geran Tabung Pembangunan Usahawan Negeri Sembilan (TUNS) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pertikai atau kerugian dari mana-mana maklumat yang telah diberikan.

Sila pilih  

**Hantar**

1. Sila pastikan ruangan **Status** adalah **Lengkap**. Permohonan **tidak dapat dihantar** jika ada bahagian yang berstatus **Tidak Lengkap** atau **Belum Disemak**.
2. Pastikan **semua dokumen yang dimuat naik adalah menepati syarat-syarat** yang telah dinyatakan. Permohonan anda akan diproses berdasarkan dokumen yang telah dikemukakan dan kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan akan menyebabkan permohonan anda tidak dipertimbangkan.
3. Sila baca dan fahami bahagian **Pengakuan**. Anda diberi dua (2) pilihan iaitu '**Saya Bersetuju Untuk Menghantar Permohonan Ini**' atau '**Saya Tidak Setuju dan Mahu Membatalkan Permohonan**'. Setelah membuat pilihan, klik **Hantar**.
4. Jika anda berhasrat untuk **mengemaskini permohonan** ini, anda **tidak perlu klik Hantar**. Anda boleh log masuk semula untuk mengemaskini maklumat yang diperlukan.
5. **Permohonan yang telah dihantar tidak boleh dikemaskini selepas tarikh tutup permohonan**.
6. **Anda boleh log keluar daripada sistem setelah permohonan anda dihantar**

## Bagaimana Untuk Mengemaskini Maklumat?

Sistem ini dilengkapi dengan fungsi untuk mengingati anda. Sekiranya ada bahagian yang tidak lengkap atau ada dokumen yang belum dapat dimuat-naik, anda boleh keluar dari sistem pada bila-bila masa. Tidak semestinya anda perlu mengisi semua maklumat hanya dengan sekali pendaftaran.

Sekira anda perlu keluar daripada sistem, anda boleh menekan icon keluar



Anda juga boleh masuk balik ke sistem pada bila-bila masa dan mengubah maklumat yang dikehendaki selagi tarikh permohonan belum ditutup.

### Log Masuk

Untuk masuk ke sistem, anda perlu menekan butang Log Masuk dan sistem akan memaparkan ruangan untuk memasukkan Nombor Kad Pengenalan dan Katalaluan.

## Log Masuk

Nombor Kad Pengenalan

Katalaluan

**Log Masuk**

**Lupa katalaluan?**

Sekiranya anda ada menghubungkan Facebook atau Google dengan profil anda, anda boleh log masuk melalui cara berikut tanpa menggunakan sebarang kata laluan

**Facebook** atau **Google**

### Lupa Katalaluan?

Sekiranya anda lupa katalaluan, sila tekan butang Lupa Katalaluan. Sistem akan menyediakan popup untuk anda masukkan nombor kad pengenalan dan emel yang didaftarkan. Sila masukkan maklumat yang betul dan tekan butang Set Semula Katalaluan.

Sistem akan menyemak maklumat yang dimasukkan sebelum anda boleh set semula katalaluan.

Setelah anda set katalaluan, anda boleh log masuk menggunakan nombor kad pengenalan dan katalaluan baharu.

Sistem akan memaparkan halaman Profil Anda. Anda boleh pergi ke mana-mana bahagian yang belum disemak atau tidak lengkap untuk membuat pengemaskinian.

Lupa Katalaluan

Isi maklumat di bawah untuk mendapatkan kata laluan baru:

Nombor Kad Pengenalan

Alamat Emel

Sila masukkan alamat emel yang sah

**X Tutup** **Set Semula Katalaluan**